


# Pupuk silaturahmi pelajar, pensyarah

Alumni FPP rai pelajar B40 dan M40 dalam majlis iftar

VB 30.5.2019 A9



**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Alumni Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) menganjurkan Majlis Iftar Ukhuwah AFPP pada 23 Mei lalu bertempat di Hotel Grand Borneo, 1Borneo, di sini.



**PENYAMPAIAN** sumbangan hari raya kepada pelajar B40 dan M40.



**SEKITAR** majlis berbuka puasa.

Pengarah Program Hajah Hairuni Kasuagi berkata, majlis ini dianjurkan oleh alumni untuk berbuka puasa bersama dan menyampaikan sumbangan hari raya kepada para pelajar B40 dan M40 Fakulti Psikologi dan Pendidikan.

Disamping itu, majlis ini turut dianjurkan untuk menyemarakkan sambutan 25 tahun penubuhan UMS dan merapatkan silaturahmi antara alumni, para pelajar dan pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan.

Majlis ini bukan sekadar iftar biasa tetapi dianjurkan untuk berkongsi



**SESI** bergambar bersama para peserta. Majlis Iftar Ukhuwah Alumni FPP 2019.



**SESI** bergambar bersama Ahli Jawatankuasa Pelaksana.



**PENYAMPAIAN** cenderahati selepas majlis perasmian kepada Dr. Soon Singh.

bersama kegembiraan dengan para pelajar yang kurang berkemampuan dalam menyambut bulan Ramadan.

Oleh itu, seramai 76 pelajar tahun satu, dua dan tiga daripada pelbagai latar belakang agama dan program pengajian dijemput serta ditaja oleh Alumni FPP dan orang awam untuk memeriahkan majlis ini.

Majlis perasmian

Iftar Ukhuwah AFPP disempurnakan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Dr Soon Singh Bikar Singh mewakili Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Prof. Dr. Hj. Ismail Ibrahim.

Menurut beliau majlis iftar ini adalah majlis kali kedua yang dianjurkan Alumni FPP dan aktiviti tahunan yang ketiga bagi sesi 2019.

Beliau menyatakan majlis ini

mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kalangan pegawai kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, alumni-alumni FPP, orang awam, NGO dan pensyarah FPP yang sama-sama hadir untuk mengimarhkan majlis ini.

Pengerusi Alumni Fakulti Psikologi yang juga Setiausaha Sulit Ketua Menteri Sabah Francis Au berkata Majlis Iftar Ukhuwah ini turut mendapat tajaan daripada Avon, Hotel Grand Borneo, Ahli Alumni FPP, NGO dan orang perseorangan.

Beliau berkata majlis ini boleh dijadikan sebagai platform perkongsian pengalaman dan memberi motivasi kepada pelajar B40 dan M40 FPP untuk terus cemerlang di UMS.

Tambah beliau, majlis ini juga dapat memupuk silaturahmi antara alumni dengan warga UMS dan masyarakat sekitar. Sehubungan itu, beliau berharap majlis ini dapat terus dilaksanakan pada masa akan datang.

Majlis Iftar Ukhuwah ini dimeriahkan dengan cabutan bertuah, penyampaian sumbangan hari raya dan persembahan lagu oleh Farhan Akim.

Hadir sama pada majlis ini, mantan Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Prof Dr. Hj. Dahlan Haji A. Malik dan Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS Muhammad Jumrat.